

27 NOV 1997

Lima '97

LIMA '97 BAKAL MENEMPA KEJAYAAN

Oleh: E.Sivabalan

LANGKAWI, 27 Nov (Bernama) -- Bunyi deruman pesawat pejuang akan sekali lagi menggegarkan ruang udara Langkawi apabila Asia Tenggara bersedia menganjurkan pameran maritim dan udara terbesar -- Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (Lima) '97 -- minggu depan.

Ketika pesawat pejuang memenuhi ruang udara, kapal perang dan, buat pertama kali, kapal selam akan menuju ke pusat peranginan yang indah ini, untuk menyertai pentas "perang komersil" terbesar bagi menjual perkakasan kegunaan tentera dan awam.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Lima '97 dari 2 Dis hingga 7 Dis ini akan menawarkan pameran teknologi terkini.

"Lima menawarkan peluang untuk melihat apa yang baru di pasaran," katanya.

Syed Hamid, yang juga pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Utama Lima '97, berkata sejak pameran pertama pada 1991, Lima, satu acara dwitahunan yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "telah berkembang untuk menyaingi pertunjukan udara Paris, Farnborough dan Dubai."

"Sekarang kita berada dalam diari pameran sekelas itu. Ia (Lima) bukan bertaraf rendah. Statusnya telah meningkat dengan cepat," katanya.

Syed Hamid berkata, Lima tahun ini menyaksikan penyertaan paling besar dengan 903 syarikat dari lebih 40 negara mengambil bahagian dalam pameran enam hari itu.

Sebanyak 150 daripada 903 syarikat itu adalah syarikat tempatan, dan menurutnya, ia melambangkan "angka yang sangat baik" berbanding pameran terdahulu yang menyaksikan penguasaan syarikat asing.

Lima '97, yang akan dirasmikan oleh Dr Mahathir, menawarkan peluang perniagaan bernilai berbilion ringgit dan syarikat-syarikat dari negara maju dan membangun berusaha mengatasi satu sama lain untuk menjual produk mereka kepada pelanggan yang kebanyakannya dari Asia.

Menurut Le Proton Lima Sdn Bhd, penganjur pameran udara Lima, 620 syarikat dari 41 buah negara telah mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran udara itu.

Antara syarikat terkemuka itu ialah Australian Defence Industries Ltd (Australia), British Aerospace (U.K.), Bombardier Aerospace Group (Kanada), Airbus Industrie, Arianespace, Aerospaciale (Perancis), McDonnell Douglas dan Lockheed Martin (Amerika Syarikat) dan MAPO (Rusia).

Walaupun menghadapi masalah mata wang dan pasaran saham, Lima '97 dijangka mencapai "kejayaan", menurut pakar analisis ketenteraan.

Syed Hamid berkata kerajaan "agak bimbang dan runsing" mengenai kesan krisis mata wang dan pasaran saham terhadap Lima tetapi "mujurlah ia tidak menjejaskan kita."

Setakat ini 16 perjanjian pembelian pesawat yang dianggarkan bernilai berbilion ringgit akan ditandatangani semasa pameran itu.

Bagi ribuan peminat yang akan membanjiri Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat, mereka berpeluang melihat helikopter tempur terbaru dari AH-64 Apache Helikopter buatan Amerika Syarikat kepada Rooivalk dari Afrika Selatan.

Helikopter itu akan disertai oleh pelbagai jenis pesawat pejuang dalam melakukan pertunjukan udara dan statik.

Amerika Syarikat akan mempamerkan pesawat pejuang yang sudah terbukti unggul, F16 Fighting Falcon yang akan mengadakan pertunjukan udara setiap hari, pesawat pengisi minyak dari udara jenis KC-135 dan dua helikopter

jenis SH-60B Seahawk.

Secara keseluruhan, sebanyak 85 pesawat, 50 kapal dan empat kapal selam dijangka mengambil bahagian dalam pameran tahun ini.

Tumpuan dalam sektor maritim sudah pasti terhadap empat kapal selam itu -- masing-masing satu dari Perancis, Turki, Rusia dan Pakistan -- yang akan menyertai Lima buat kali pertama.

Perancis dan Pakistan akan mempamerkan dalam kelas Agosta, Turki, kelas 209/1400 dan Rusia, kelas Kilo.

Seperti pameran lampau, Lima '97 akan mengumpulkan para pegawai kanan kerajaan yang berkeelayakan, pegawai tinggi tentera, pemimpin korporat dan ahli profesional industri itu yang akan bertukar-tukar pendapat dan maklumat mengenai teknologi dan inovasi terbaru dalam bidang industri aeroangkasa, maritim dan pertahanan.

Syed Hamid berkata, Lima telah memperolehi gelaran sebagai acara bertaraf antarabangsa dan diiktiraf di seluruh dunia.

Pameran itu, yang merangkumi produk kegunaan tentera dan awam, telah menjadi acara antarabangsa yang utama sejak dimulakan pada 1991.

Pameran udara dianjurkan oleh Le Proton Lima Sdn Bhd manakala acara maritim oleh Huswah Exhibition Sdn Bhd. -- BERNAMA

ES AKD